



LINDUNG: Dr Mahathir memakai penutup mulut dan hidung diiringi Hishammuddin ketika hadir untuk merasmikan Bulan Patriotisme 2005 Sekolah Alam Shah Putrajaya, semalam.

'Pelajar Melayu jangan asyik main SMS'

PUTRAJAYA: Dasar dan sistem yang digubal kerajaan bukan penghalang kepada pelajar Melayu untuk maju setanding kaum lain dalam bidang pendidikan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, ia kerana dasar dan sistem yang sama dikenakan terhadap pelajar kaum lain dan mereka boleh berjaya.

Katanya, yang penting, usaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dan bukannya asyik melakukan perkara yang boleh menjejaskan pelajaran.

Sambil merujuk kepada program realiti Akademi Fantasia 3 yang mendapat sambutan hangat, Dr Mahathir berkata:

"Kerana Mawi (Asmawi Ani) hingga tidak belajar. Saya pun tertanya-tanya sama ada AF3 patut disambung kepada AF4. Kita tidak boleh berjaya sebab jari bergerak (menaip khidmat pesanan ringkas) sedangkan otak tidak bergerak... buat untungkan syarikat telekomunikasi," katanya di sini semalam.

Dr Mahathir menjawab soalan pelajar Sekolah Alam Shah yang bertanyakan kenapa pelajar Melayu ketinggalan dalam pelajaran berbanding kaum lain.

Terdahulu, beliau merasmikan Bulan Patriotisme dan Pengiktirafan Jigsaw Puzzle Terbesar di Malaysia di sekolah itu. Turut hadir Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Dr Mahathir menjelaskan kejayaan terletak pada tangan individu itu sendiri dan mereka boleh pilihlah mana yang baik.